

PELAKSANAAN NOMBOR KAWALAN SKIM MAFAS

1. Keperluan Pelaksanaan Nombor Kawalan Skim MAFAS

Nombor kawalan adalah satu set kombinasi angka dan huruf yang diberi kepada peserta skim MAFAS apabila menjalankan setiap rawatan pewasapan ke atas bahan pembungkus kayu, *wood packaging material* (WPM). Pengeluaran nombor kawalan ini bertujuan untuk memantau setiap rawatan yang akan dijalankan oleh peserta MAFAS. Melalui nombor kawalan tersebut, tarikh dan bilangan rawatan yang telah dijalankan dan kuantiti yang dirawat oleh peserta MAFAS dapat dikenalpasti.

2. Prosedur Pengeluaran Nombor Kawalan

Jabatan Pertanian akan meluluskan nombor kawalan secara kuota dan berperingkat mengikut jumlah tertentu kepada pihak peserta Skim MAFAS. Nombor kawalan ini akan dikawal sendiri penggunaannya oleh peserta Skim MAFAS dan mereka juga bertanggungjawab untuk menyimpan rekod keseluruhan penggunaan nombor kawalan.

Prosedur pengeluaran nombor kawalan melibatkan proses tersebut:

- i. Permohonan nombor kawalan oleh peserta Skim MAFAS;
- ii. Urus setia menyemak permohonan dan status syarikat; dan
- iii. Urus setia memberi nombor kawalan kepada peserta Skim MAFAS yang lulus.

2.1 Permohonan


Peserta Skim MAFAS hendaklah memohon nombor kawalan pewasapan dari urus setia bagi tujuan menjalankan kerja - kerja pewasapan yang akan dilakukan. Nombor kawalan akan dikeluarkan mengikut kuota kepada peserta Skim MAFAS. Nombor kawalan perlu dipohon apabila nombor kawalan dalam simpanan peserta Skim MAFAS berbaki 20 % daripada keseluruhan kuota. Permohonan semula kuota nombor kawalan hendaklah dibuat kepada urus setia Skim menggunakan MAFAS 3.

2.2 Semakan Permohonan

Urus setia akan menyemak permohonan nombor kawalan dan profail pemohon. Nombor kawalan tidak dikeluarkan jika MAFAS 4 dan MAFAS 6 tidak dihantar kepada urus setia/ Ketua Pejabat Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Negeri atau peserta didapati menyalahgunakan nombor kawalan atau peserta menerima notifikasi ketidakpatuhan dari negara luar. Semakan dan proses pengeluaran nombor kawalan mengambil masa **14 hari bekerja**.

2.3 Pengeluaran Nombor Kawalan

Nombor kawalan akan diberi kepada peserta Skim MAFAS yang layak. Pengeluaran nombor kawalan kepada pihak syarikat adalah mengikut format yang telah ditetapkan seperti berikut :



3. Etika Penggunaan Nombor Kawalan


Peserta Skim MAFAS adalah tidak dibenarkan sama sekali menggunakan nombor kawalan yang dikeluarkan kepada peserta Skim MAFAS lain walaupun syarikat tersebut adalah cawangannya. Peserta perlu merekodkan penggunaan nombor kawalan bagi setiap pengeksport yang menggunakan perkhidmatannya.

4. Nombor Kawalan Pada WPM Yang Telah Dirawat

Peserta Skim MAFAS dikehendaki menanda nombor kawalan pemasapan yang dijalankan

pada WPM yang telah dirawat menggunakan dakwat kekal berwarna gelap (warna selain merah dan jingga). Nombor kawalan hendaklah dicatat diluar *marking* ISPM 15. Jika nombor kawalan berada di dalam logo *marking* ISPM 15, konsainan yang dieksport mungkin dikenakan tindakan rawatan semula, penahanan, musnah atau dibawa pulang.

Berikut adalah contoh *marking* yang perlu ditanda pada WPM yang telah dirawat:



Keterangan:

- | | |
|------|-------------------------------------|
| MY | = Kod Negara (MY = Malaysia) |
| B | = Kod Negeri |
| 0000 | = Nombor Akreditasi MAFAS |
| MB | = Rawatan Pewasapan (metil bromida) |

Senarai Kod Negeri adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Bil	Negeri	Kod Negeri
1	Perlis	R
2	Kedah	K
3	P.Pinang	P
4	Perak	A
5	Selangor	B
6	N.Sembilan	N
7	Melaka	M
8	Johor	J
9	Pahang	C
10	Terengganu	T
11	Kelantan	D
12	Kuala Lumpur	W
13	Sabah	SB
14	Sarawak	Q

Jadual 1 : Senarai Kod Negeri